

## Rekod 252,730 pengembara keluar masuk negara

**Putrajaya:** Sebanyak 252,730 pengembara masuk dan keluar direkodkan di pintu masuk utama negara dalam tempoh empat hari sejak sempadan negara dibuka semula pada 1 April, kata Ketua Pengarah Imigresen Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud.

Daripada jumlah itu, sebanyak 126,392 ketibaan dan 28,301 berlepas melibatkan warganegara Malaysia manakala 55,121 ketibaan dan 42,916 berlepas adalah pengembara asing, katanya.

Pintu masuk negara yang mencatatkan jumlah pergerakan warga asing tertinggi ialah di Bangunan Sultan Iskandar di Johor iaitu 160,818, diikuti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebanyak 38,407, Kompleks Sultan Abu Bakar, Johor (53,113),

Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) (11,712) dan Bukit Kayu Hitam, Kedah (6,980).

Katanya, lima negara yang merekodkan jumlah pengembara tertinggi ialah Singapura (65,165), Thailand (7,841), Indonesia (5,173), India (2,477) dan United Kingdom (1,485).

Pada 8 Mac lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan sempadan negara dibuka semula pada 1 April lepas selari dengan perancangan negara memasuki Fasa Peralihan Ke Endemik.

Mengenai pengeluaran Pasport Malaysia Antarabangsa, Khairul Dzaimie berkata pihaknya sudah mengeluarkan 12,923 naskah pasport dalam tempoh yang sama.



LAPANGAN Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur mencatatkan bilangan pergerakan warga asing sebanyak 38,407 orang.